

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI DI PEMBUKAAN KURSUS RADIO DI RADIO MALAYA PADA 1HB APRIL, 1962

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Saya dengan sukacitanya menyatakan kepada tuan-tuan dan puan-puan bahawa **Rancangan Pembangunan Luar Bandar Peringkat** yang kedua telah berjalan dengan teratur dan lancarnya.

Sambutan rakyat mengenainya terlalulah memuaskan hati. Sebagaimana yang tuan-tuan dan puan-puan telah diberitahu di dalam surat khabar-surat khabar dan melalui siaran radio bahawa **Peringkat** kedua Rancangan Pembangunan Luar Bandar ini termasuklah **Gerakan Pelajaran Dewasa**. Petang ini saya suka menyatakan dengan serba ringkas tujuan-tujuan dan bidang-bidang tujuan gerakan pelajaran dewasa yang dilancarkan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Kerapkali saya telah memberi penerangan melalui surat-surat khabar, radio dan juga lawatan-lawatan saya ke kampung-kampung bahawa tujuan besar Gerakan Kerajaan mengadakan rancangan-rancangan Pembangunan Luar Bandar ialah melaksanakan hasrat dan azam Kerajaan hendak meninggikan taraf hidup orang-orang di luar bandar di dalam serba jurusan kehidupan mereka iaitu termasuklah **perekonomian**, kebudayaan, kesihatan dan pelajaran orang-orang luar bandar yang duduk berselerak di seluruh Negara kita ini.

Dengan ada dan terlaksananya rancangan Pembangunan Luar Bandar yang sedang berjalan hari ini, maka saya percaya dan yakin **keamanan**, kemakmuran dan keselamatan negeri kita yang ada hari ini akan terjamin dan cara pemerintahan berkerajaan demokrasi akan dapat berkekalan.

Rancangan Pembangunan Luar Bandar bukanlah sahaja untuk mendidik jasmani rakyat tetapi adalah juga ditujukan untuk membina rohani mereka. Saya berpendapat bahawa kejayaan gerakan Pembangunan Luar Bandar tidak akan tercapai dengan sepenuhnya jika sekiranya rancangan-rancangan itu tidak mendapat pengertian penuh daripada rakyat-rakyat sekalian dan juga

sokongan-sokongan yang kuat daripada mereka. Dalam masaalah mendapatkan pengertian dan sokongan rakyat ini, maka mustahaklah semangat berdiri atas kaki sendiri, semangat bermuafakat di antara satu sama lain, semangat bergotong-royong, tegasnya semangat kemerdekaan dan pembangunan hendaklah dipupuk dan digalakkan di kalangan rakyat sekalian. Semangat yang saya sebutkan itu telah sedia ada pada kita tetapi apa yang dikehendaki sekarang ini ialah membaharui, menghidupkan dan menggunakannya bagi pembangunan Negara kita.

Satu daripada usaha-usaha Kerajaan yang boleh membentuk, membina dan mendorong semangat itu kepada pembangunan Negara kita ialah dengan mengadakan gerakan Pelajaran Dewasa dengan secara besar-besaran, kerana dalam zaman pembangunan kita hari ini, orang-orang dewasa pun mustahaklah diberi pelajaran supaya mereka tidak ketinggalan dalam serba lapangan dan supaya mereka dapat mengambil peranan yang penting dalam usaha-usaha Kerajaan membina dan mendirikan satu Negara yang berdaulat, kuat dan makmur.

Dalam bidang Gerakan Pelajaran Dewasa adalah menjadi tanggungjawab yang berat bagi Kerajaan bukan sahaja memberi pengetahuan menulis dan membaca kepada lebih daripada tujuh puluh peratus rakyat yang tidak tahu menulis dan membaca tetapi adalah juga azam Kerajaan hendak memberi serba serbi pengetahuan yang mengenai kehidupan rakyat hari-hari. Apabila rakyat sekalian sudah tahu menulis dan membaca bahkan tahu serba sedikit mengenai perjalanan Kerajaan dan juga mengenai tanggungjawab mereka sebagai Warga Negara Negeri ini maka semangat ingin maju dan berusaha itu akan berkembang dengan sendirinya.

Selanjutnya pula, ada lagi matlamat-matlamat yang lain yang patut dituju oleh Negeri kita melalui gerakan Pelajaran Dewasa. Tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum bahawa sebilangan besar, iaitu lebih kurang tujuh puluh lima peratus daripada rakyat Persekutuan Tanah Melayu, masih dalam serba kekurangan pengetahuan dalam Bahasa Kebangsaan kita walhal Bahasa Kebangsaan yang ada hari ini akan dijadikan Bahasa Resmi yang tunggal dalam Persekutuan Tanah Melayu pada 31hb Ogos, 1957. Maka masanya bagi rakyat Persekutuan hendak mempelajari Bahasa Kebangsaan kita adalah sangat singkat dan tambahan pula peluang belajar Bahasa Kebangsaan di waktu sebelum diadakan gerakan

Pelajaran Dewasa adalah terhad. Oleh yang demikian, adalah menjadi tujuan besar Kerajaan hendak memberi peluang yang seluas-luasnya kepada rakyat yang masih buta huruf dalam Bahasa Kebangsaan mempelajarinya, dan apabila Bahasa Kebangsaan kita menjadi Bahasa Resmi pada 31hb Ogos, 1967 kelak adalah diharapkan semua rakyat akan boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Kebangsaan. Tugas gerakan Pelajaran Dewasa ini adalah tersangat penting oleh kerana Bahasa Kebangsaan kita adalah satu alat untuk menyatu-padukan rakyat Persekutuan Tanah Melayu yang terdiri daripada berbagai-bagai kaum.

Pada keseluruhannya, tujuan muktamad gerakan Pelajaran Dewasa ialah menanamkan semangat kasih sayang pada bangsa dan mempereratkan lagi perpaduan kebangsaan. Adalah juga diharapkan usaha-usaha yang disalurkan melalui Pelajaran Dewasa akan memberi bukti yang baik dalam lapangan memperteguh perasaan taat setia rakyat kepada Negara Persekutuan dan juga dalam jurusan mengembang dasar-dasar berkerajaan dengan secara demokrasi. Dengan melalui Pelajaran Dewasa juga masyarakat bangsa kita diperbaiki dan ditinggikan mutunya.

Dalam melaksanakan gerakan Pelajaran Dewasa berbagai-bagai rancangan telah diatur oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Selain daripada mengadakan kelas-kelas buta huruf dan bahasa kebangsaan, Kerajaan adalah juga mengatur kursus-kursus radio, urusan rumahtangga dan ugama. Kerajaan juga mengadakan kutubkhanah-kutubkhanah di kampung-kampung untuk memberi peluang kepada rakyat di kampung-kampung membaca buku-buku yang difikirkan akan memberi manfaat kepada diri mereka.

Mengenai usaha-usaha yang diselenggarakan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar Bahagian Pelajaran Dewasa, saya dengan sukacitanya menyatakan kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian bahawa mulai daripada petang besok Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan melancarkan satu siri kursus radio bagi kelas-kelas Dewasa. Kursus Radio itu akan meliputi dan menitikberatkan perkara-perkara perkhidmatan-perkhidmatan extension. Saya percaya dengan adanya kursus yang seperti ini pelajar-pelajar kelas-kelas dewasa khususnya akan mendapat peluang mengetahui dan cuba mengatasi beberapa masalah yang dihadapi mereka dari sehari ke sehari.

Di sini sukalah saya mengambil peluang mengucapkan terimakasih kepada kementerian-kementerian dan juga pejabat-pejabat

yang berkenaan yang telah memberi sumbangan yang tegas bagi melaksanakan dan menjayakan kursus radio ini. Begitu juga saya mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Yayasan Asia atau Asia Foundation yang telah bermurah hati menghadihkan kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar 1,540 buah peti radio bagi kegunaan kelas-kelas dewasa.

Tuan-tuan dan puan-puan, begitulah dengan serba ringkasnya dasar-dasar bidang-bidang tujuan, dan usaha-usaha gerakan pelajaran dewasa yang sedang berjalan hari ini, iaitu gerakan pelajaran dewasa ini ialah satu daripada bahagian-bahagian yang terkandung dalam bidang gerakan Pembangunan Luar Bandar. Oleh yang demikian Kerajaan adalah menaruh harapan dan kepercayaan yang penuh bahawa Pelajaran Dewasa akan boleh mendorong dan mempercepatkan lagi terlaksananya kejayaan-kejayaan yang kita harapkan daripada Rancangan Pembangunan Lima yang Kedua. Tetapi kejayaan-kejayaan yang kita harapkan itu tidak akan tercapai dengan sepenuh-penuhnya jika rakyat sekalian tidak bersama-sama mengambil peluang yang ada bagi mengusahakan dan menjayakan tujuan-tujuan dan matalamat-matalamat kita.

Oleh memikirkan betapa besar dan mustahaknya peranan rakyat dalam bahagian menjayakan gerakan Pelajaran Dewasa ini saya berharap tuan-tuan dan puan-puan sekalian akan mengambil dan menggunakan dengan sepenuh-penuhnya peluang-peluang yang diberikan oleh Kerajaan bagi memperbaiki rumahtangga sendiri dan membangunkan Negara kita yang Merdeka ini supaya keamanan, keadilan, kemakmuran dan Kerajaan demokrasi kita yang ada hari ini dapat berkekalan dan dapat kita pusakakan kepada anak-anak cucu kita di masa yang akan datang.

Dengan ini, saya dengan sukacitanya meresmikan pelancaran Kursus Radio bagi pelajar-pelajar Kelas Dewasa.

Selamat Petang dan Selamat Belajar.